

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK
DI SEKOLAH RENDAH: SATU KAJIAN KES**

NIK AIDA MUSNIE BT NIK MAHMOOD

**LAPORAN PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran muzik di sekolah rendah. Kajian ini akan meneliti adakah pelaksanaan pengajaran muzik di sekolah rendah menepati dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia? Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar pelajar yang meneruskan pembelajaran pada peringkat sekolah menengah didapati tidak menguasai kemahiran-kemahiran muzik yang sepatutnya dikuasai oleh mereka ketika berada pada peringkat sekolah rendah. Kajian ini menggunakan empat instrumen untuk mendapatkan data. Instrumen yang digunakan ialah temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, dan rakaman audio video. Prosedur analisis data terbahagi kepada enam fasa, iaitu a) menyusun atur data; b) menjana kategori, tema, dan pola; c) mengekodkan data; d) menguji kefahaman yang timbul; e) mencari penerangan alternatif, dan f) menulis laporan. Kajian ini diharapkan dapat membantu murid-murid, guru-guru, dan pihak sekolah dalam melaksanakan pengajaran muzik dengan lebih berkesan.



This study is a qualitative study using case studies. It aims to review the implementation of the teaching of music in primary schools. Here it will examine whether the implementation of the teaching of music in primary school is in accordance with the policies laid down by the Ministry of Education Malaysia. This is because most of the students who continue learning music in secondary schools have not acquired the proper music skills that they should acquire in primary schools. This study is using four instruments in getting the data. The instruments used are interviews, observation, analysis of documents, and audio video recording. Data analysis procedure is divided into six phrases that consists of laying out the data; b) generating categories, themes, and patterns; c) encoding data; d) testing the understanding that arise; e) looking for alternative explanations, as well as f) writing reports. This study actually seeks to help students, teachers and schools in the teaching of music more effectively.



Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Senarai	vi
Rajah	
Senarai	
Jadual	

BAB 1**PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)	2
1.1.2 Sukatan Pelajaran Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR)	2
1.1.3 Laporan Jawatankuasa Kabinet	3
1.1.4 Kurikulum Baru Sekolah Rendah	4
1.1.5 Perkembangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)	5
1.1.6 Asas Pendidikan Sekolah Rendah	6
1.1.7 Falsafah Pendidikan	7
1.1.8 Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah	9
1.1.9 Pengenalan Pendidikan Muzik	11
1.1.10 Mata Pelajaran Pendidikan Muzik	12
1.1.11 Matlamat Pendidikan Muzik	13
1.1.12 Objektif Pendidikan Muzik	13
1.1.13 Organisasi Kurikulum	14
1.1.14 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	14
1.2 Latar Belakang Kajian	15
1.3 Pernyataan Masalah	16
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	17

Hipotesis**1.8 Kepentingan Kajian****1.9 Daftar Istilah****1.10 Batasan Kajian****1.11 Rumusan**

19

19

20

22

22

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	23
2.2 Latar Belakang Teori dan Rumusan	24
2.3 Kajian Lepas Tempatan	26
2.4 Kajian Lepas Luar Negara	28
2.5 Ringkasan Kajian Lepas	31

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	33
3.2 Kerangka Kajian	34
3.3 Reka Bentuk Kajian	35
3.4 Responden	35
3.5 Instrumen dan Alat Kajian	36
3.6 Tatacara Melakukan Kajian	38
3.7 Analisis Data	39
3.8 Pembinaan Jadual Penyelidikan	42
3.9 Rumusan	42

BAB 4**ANALISIS DATA****4.1 Pengenalan**

43

4.2 Implementasi Pengajaran dan Pembelajaran

45

Pendidikan Muzik Mengikut Kehendak Sukatan

45

Pelajaran Pendidikan Muzik

45

4.2.3 Penggunaan Alat dan Bahan Bantu Mengajar
serta Alat Audio Visual

49

4.3 Implementasi Pengajaran Pendidikan Muzik dalam
Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Darjah

50

4.4 Apakah Faktor-faktor yang Mempengaruhi
Pelaksanaan Pengajaran Pendidikan Muzik di dalam
Bilik Darjah?

57

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

61

5.2 Rumusan dan Perbincangan

62

5.3 Cadangan

66

5.4 Penutup

68

Rujukan

A Buku

61

B Tesis

61

Lampiran 1 Dapatan daripada Pemerhatian Pengajaran dan
Pembelajaran

74

Lampiran 2 Analisis Data Pemerhatian Pengajaran dan Pembelajaran

75

Lampiran 3 Dapatan daripada Pemerhatian terhadap Bilik Muzik

76

Lampiran 4 Analisis Data Pemerhatian terhadap Bilik Muzik

77

Lampiran 5 Dapatan daripada Data Temu Bual dengan Guru

78

Lampiran 6 Analisis Data Temu Bual dengan Guru

79

Lampiran 7 Dapatan daripada Data Temu Bual dengan Murid 1

81

Lampiran 8 Dapatan daripada Data Temu Bual dengan Murid 2

84

Lampiran 9 Analisis Data Temu Bual dengan Murid

86

Lampiran 10 Dapatan daripada Data Dokumen

87

Lampiran 11 Analisis Data Dokumen

89

Rajah

2.2	Kerangka Teoritik oleh Plato
3.1	Kerangka Konsep
3.2	Proses Pengumpulan Data

Muka Surat Rajah

25
31
34

SENARAI JADUAL**Jadual****Muka Surat**

3.1 Teknik Pengumpulan Data	36
3.2 Jadual Penyelidikan	37

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia semakin pesat berkembang sejajar dengan peredaran masa dan zaman. Perkembangan Pendidikan Muzik di Malaysia turut melalui pelbagai peringkat perkembangan dan pada akhirnya, Pendidikan Muzik turut mendapat tempat yang selayaknya apabila Pendidikan Muzik turut diiktiraf sebagai salah satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan formal di Malaysia. Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diimplementasikan di semua sekolah rendah di seluruh negara. Mata pelajaran Pendidikan Muzik telah diwajibkan untuk semua murid sekolah rendah dari sebermula mereka berada dalam tahun satu. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal.30).

1.1.1 Sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)

Pelaksanaan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) berlangsung selama beberapa tahun hingga terbitnya Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan pada 7 November 1979. Laporan ini diterbitkan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 1974 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Implikasi daripada laporan ini ialah pengenalan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982. Sebanyak 305 buah sekolah rendah daripada keseluruhan sekolah rendah di seluruh negara telah dipilih untuk melaksanakan percubaan sebelum KBSR dilaksanakan di semua sekolah di seluruh negara pada tahun 1983. Keperluan kepada KBSR begitu mendesak memandangkan terdapat banyak kelemahan yang dikenal pasti pada KLSR. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 21).

1.1.2 Sukatan Pelajaran Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR)

Mata pelajaran yang diajar oleh guru-guru dan mata pelajaran yang dipelajari oleh murid-murid di bawah KLSR antaranya ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Tawarikh, Ilmu Alam, Hal Ehwal Tempatan, Tata Rakyat, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Jasmani, Lukisan dan Pertukangan Tangan, dan Jawi.

Kandungan kurikulum dalam KLSR terlalu memberatkan akademik serta terlalu padat bagi murid-murid pada peringkat umur sekolah rendah (Laporan JK Kabinet 1979).

UNIT SETENGAH-SETENGAH murid tidak dapat mengikuti isi pelajaran yang terkandung dalam KLSR. Setengah-setengah murid tidak dapat mengikuti isi pelajaran yang terkandung dalam KLSR. Akibatnya, sedikit sahaja kemahiran yang dapat dikuasai oleh murid-murid. Selain itu, KLSR didapati kurang memberi murid-murid kesempatan untuk lebih menguasai dan fokus kepada kemahiran-kemahiran asas, iaitu kemahiran membaca, menulis, dan mengira (3M). (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 21-22)

1.1.3 Laporan Jawatankuasa Kabinet

Pada September 1974, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji perlaksanaan sistem pendidikan negara yang telah dilaksanakan sejak tahun 1961. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Jawatankuasa telah menerbitkan laporannya pada 7 November 1979 yang dikenali sebagai Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk:

“Mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, dan terlatih.”

(Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan)

UNIT PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kurikulum Baru Sekolah Rendah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang dibentangkan pada September 1974, beberapa pindaan telah dibuat ke atas dasar pendidikan negara bagi memberikan lebih impak kepada pelaksanaan sistem pendidikan. Laporan Jawatankuasa Kabinet ini lebih banyak memberikan penegasan kepada keperluan pendidikan asas 3M (membaca, menulis, dan mengira), pendidikan kerohanian, dan kurikulum ala Malaysia.

Implikasi daripada laporan tersebut adalah pada Disember 1980 di mana pada masa itu, Yang Berhormat Dato' Musa Hitam yang merupakan Menteri Pelajaran telah meminta supaya kurikulum sekolah rendah ditukarkan kepada kurikulum yang baharu, iaitu yang memberikan penegasan kepada 3M. Selepas persiapan dibuat, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan pada tahun 1982 secara percubaan.

Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diimplementasikan di seluruh negara. Mata pelajaran Pendidikan Muzik telah diwajibkan untuk semua murid sekolah rendah bermula sejak tahun satu lagi. Kesinambungan kepada program KBSR memperlihatkan bahawa Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan di semua sekolah menengah. Oleh sebab masalah kekurangan tenaga pengajar Pendidikan Muzik pada masa itu, maka mata pelajaran Pendidikan Muzik tidak termasuk dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 30).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 30).

UNIT 1.1.5 PERKEMBANGAN KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (KBSR)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kurikulum yang dibentuk selepas daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet bertujuan untuk mencapai matlamat sistem pendidikan yang memberikan tumpuan kepada pembangunan individu secara seimbang dan menyeluruh. Perubahan yang ketara dalam rangka kurikulum yang baharu adalah seperti aspek kesepadan dan kesinambungan. Selain mengikut susunan mendatar, reka bentuknya juga mengikut susunan menegak. Susunan mendatar bersifat menyeluruh dan bersepada, manakala susunan menegak pula merupakan kesinambungan pada peringkat yang berikutnya, iaitu yang lebih tinggi dan mendalam. Di samping itu, kurikulum juga perlu memberikan penekanan kepada nilai. Apa yang pasti, perkembangan ilmu sememangnya tidak boleh mengetepikan soal nilai. Ilmu tidak boleh bersifat *value free* atau *value prejudice* dan perlu wujudnya nilai-nilai sama ada nilai-nilai yang selari mengikut disiplin mata pelajaran masing-masing atau nilai-nilai yang bersifat sarwajagat. Nilai-nilai murni juga perlu dilihat dari sudut yang merentasi disiplin.

Bahasa Melayu, iaitu bahasa komunikasi utama juga perlu diguna pakai dan diamalkan secara merentasi kurikulum. Pengukuhan dan peluasan bahasa Melayu sebagai cabang ilmu pengetahuan perlu diberikan penekanan yang serius. Antara lain rasionalnya adalah melalui bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan, maka perpaduan dapat diwujudkan dalam kalangan murid atau pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) hanya mula tersurat pada tahun 1988 di mana sebelum itu FPN dikatakan wujud secara tersirat sahaja. KBSR yang dicuba pada tahun 1982 dan diimplementasikan di seluruh negara pada tahun 1983 sebenarnya lebih berasaskan FPN yang tersirat. KBSR pada asasnya berpegang pada konsep bahawa murid-murid pada peringkat sekolah rendah perlu memperoleh ilmu pengetahuan, menguasai pelbagai kemahiran, dan menghayati nilai secara terus melalui pengalaman langsung. Pengalaman langsung ini pula perlu dikenal pasti dan difikirkan selaras dengan perkembangan potensi individu murid dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 33).

Selain itu, suasana alam persekolahan dalam konteks KBSR diwujudkan bertujuan bagi memberikan banyak peluang kepada murid-murid dalam memperoleh dan merasai pengalaman hidup seperti menyelesaikan masalah, berkomunikasi, dan bertukar-tukar pendapat. Pada masa yang sama, suasana alam persekolahan dalam konteks KBSR juga diwujudkan bertujuan bagi membina persefahaman dalam pergaularan, memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, murid-murid perlu terlibat secara aktif, ceria, dan progresif serta bersesuaian dengan matlamat yang telah ditetapkan.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang diterbitkan pada 1979 merupakan permulaan kepada pernyataan FPN secara eksplisit. FPN mula dinyatakan secara bertulis bermula dari tahun 1988. Pernyataan FPN adalah seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan keluarga.”

(Kementerian Pendidikan Malaysia 1988)

FPN lahir selepas melalui proses yang berkesinambungan dan selari dengan proses pembinaan bangsa dan negara ini. FPN bermula sejak tanah air ini menuntut kemerdekaan daripada pihak Inggeris. FPN dibangunkan berdasarkan pelbagai perkara termasuklah pembangunan insan, pembangunan negara, dan keadaan rakyat yang berbilang kaum serta agama ke arah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang maju, berdaya saing serta mempunyai jati diri yang mantap yang meliputi aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani secara seimbang dengan berlandaskan prinsip ketuhanan.

Dengan tertulisnya FPN, maka kurikulum pendidikan didapati berlandaskan

suatu landasan yang kukuh. Hal ini dikatakan demikian kerana FPN menentukan hala

tuju pendidikan yang perlu dicapai melalui kurikulum. Segala usaha kurikulum

aktiviti-aktiviti kurikulum dan kokurikulum supaya tidak menyimpang jauh daripada kehendak dan matlamatnya. Selain itu, FPN menjadi teras kepada sistem pendidikan kerana padanya terkandung hasrat yang hendak dicapai, kaedah pelaksanaan pendidikan yang akan digunakan, ciri-ciri yang akan dibentuk dalam diri individu yang menerima pendidikan, dan liputan yang terangkum dalam sistem pendidikan. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 34).

FPN dengan sifatnya yang mantap masih dikekalkan dalam Akta Pendidikan 1996. Walau bagaimanapun, sedikit tambahan dari segi perkataan perlu dilakukan bagi memantapkan lagi falsafah ini. FPN seterusnya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.”

(Kementerian Pendidikan Malaysia 1996)

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa kurikulum pendidikan termasuklah pendidikan rendah sentiasa mengalami perkembangan mengikut keperluan serta kehendak semasa. Keadaan ini dilakukan bagi memastikan bahawa kurikulum yang berfungsi sebagai wahana bagi mencapai matlamat dan hasrat falsafah pendidikan berada dalam keadaan yang sentiasa mantap. Keadaan ini juga selaras dengan konsep asas kurikulum yang bersifat dinamik serta fleksibel mengikut keperluan serta matlamat sesuatu sistem pendidikan. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 34-35).

Selepas lebih dari sepuluh tahun pelaksanaan KBSR, maka terdapat beberapa lompong yang ternyata perlu dibaiki. Antara kelemahan yang dapat dikesan daripada KBSR ialah para pelajar yang memasuki peringkat sekolah menengah tidak mempunyai asas sains yang kukuh. Pada peringkat awal pelaksanaan KBSR, mata pelajaran Sains hanya wujud dalam bentuk gabungan dengan mata pelajaran lain, iaitu Geografi dan Sejarah yang dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang dikenali sebagai Alam dan Manusia. Oleh sebab itu, penumpuan kepada pemikiran saintifik memperlihatkan hasil yang secara tidak langsung sahaja dan terbukti tidak mencukupi. Kelemahan ini telah dapat dikesan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia apabila kedua-dua pihak melakukan kajian tindakan yang berkaitan dengan kesan pemansuhan mata pelajaran Alam dan Manusia dan seterusnya digantikan pula dengan mata pelajaran Sains dan Kajian Tempatan secara berasingan. Mata pelajaran Sains telah diwujudkan semula pada peringkat sekolah rendah pada tahun 1994 tetapi mata pelajaran ini hanya diajarkan kepada murid-murid yang berada pada tahap dua. Pada tahun 2001, barulah mata pelajaran Sains mula diajarkan kepada murid-murid yang berada pada tahap satu. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 36).

Kelemahan-kelemahan lain ialah wujudnya pertindihan dari segi kandungan antara mata pelajaran. Sebagai contoh, kemahiran amalan perdagangan yang disisipkan dalam mata pelajaran Matematik turut terdapat dalam Kemahiran Manipulatif. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa masih banyak lagi kelemahan yang terdapat dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah sehingga perlu dilakukan kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS perlu disemak semula adalah seperti berikut;

- a) Memberikan penekanan yang lebih kepada mata pelajaran Sains dan unsur-unsur Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam kurikulum dan pengajaran.
- b) Seiring dengan perkembangan ekonomi, sosial, dan lain-lain yang mengalami perubahan dari semasa ke semasa.
- c) Meningkatkan mutu pendidikan berdasarkan konsep kesepaduan.
- d) Selari dengan usaha ke arah mencapai taraf negara maju dengan masyarakat berilmu.

Selepas dikaji semula dan ditingkatkan kualitinya, Kurikulum Baru Sekolah Rendah diubah namanya menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah diperkenalkan pada tahun 1993 di semua sekolah rendah di seluruh Malaysia. Konsep bersepadu ini menjadi tumpuan utama dalam penggubalan KBSR. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam kandungan KBSR digabungkan supaya wujudnya kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Selaras dengan prinsip KBSR, kesepaduan dalam bidang mata pelajaran telah merangkumi aspek teori dan amali serta nilai murni. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. (Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh 2005, hal. 36-37).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS memberikan kesan yang besar kepada globalisasi. Perkembangan ICT tidak boleh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PERKEMBANGAN KBSR yang ada kini perlu juga diintegrasikan dengan unsur-unsur ICT dan multilingualisme.

Di negara ini, kurikulum mengalami perkembangan selari dengan perkembangan zaman. Perkembangan bermula dengan pendidikan tradisional, zaman penjajahan, sebelum merdeka hingga kepada sistem pendidikan selepas merdeka. Kurikulum sekolah rendah berubah selepas merdeka daripada KLSR kepada KBSR. KBSR itu sendiri mengalami perkembangan selaras dengan kehendak dan perubahan zaman. Walaupun Kurikulum Baru Sekolah Rendah sudah pun ditukarkan namanya kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, namun masing-masing didapati tetap dan masih memberikan penekanan kepada pembangunan insan secara seimbang, menyeluruh, dan bersepadu. Seterusnya, perkembangan pesat dalam bidang teknologi pengkomputeran menuntut KBSR yang ada kini diintegrasikan pula dengan unsur-unsur ICT dan multilingualisme.

1.1.9 Pengenalan Pendidikan Muzik

Pendidikan Muzik mempunyai kesan yang kuat ke atas tingkah laku pelajar dengan mengambil kira tahap minat pelajar, penglibatan rohani dan emosi,

“Pendidikan Muzik ialah mata pelajaran wajib yang mestilah dipelajari oleh semua murid dalam KBSR. Matlamat Pendidikan Muzik bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat

UNIVERSITI menghargai dan menikmati estetika muzik, dan dapat mengamalkan nilai murni.”

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pusat Perkembangan Kurikulum (2000)

Pendidikan Muzik di sekolah rendah memberikan penekanan kepada pemerolehan ilmu pengetahuan tentang muzik dan membina kemahiran muzikal secara amali melalui aktiviti muzik vokal dan instrumental. Melalui program ini juga, murid-murid akan mendapat pendedahan tentang seni muzik secara lebih sistematis. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah berfokus pada bentuk amali supaya aktiviti yang dijalankan menjadi lebih menarik dan berkesan.

1.1.10 Mata Pelajaran Pendidikan Muzik

Menurut Mohd. Salleh Lebar (1996), peranan Pendidikan Muzik bertujuan untuk memberikan penekanan ke arah pembentukan kualiti diri dan sahsiah kanak-kanak yang merangkumi aspek perasaan, kreativiti, nilai sosialisasi, estetika, dan etika. Di samping itu, Pendidikan Muzik turut mengambil kira aspek budaya untuk pemupukan perasaan cinta dan bangga kepada negara. Oleh sebab mata pelajaran Pendidikan Muzik memerlukan pengendalian yang teliti, maka setiap guru yang terlibat dengannya mesti menghayati kehendak dan hasrat sukatan pelajaran ini supaya matlamat yang ditetapkan tercapai.

Matlamat Pendidikan Muzik bertujuan untuk memperkembangkan potensi dan kualiti diri individu dari segi nilai estetika muzik dan etika melalui pelbagai pengalaman muzik ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup dalam konteks budaya dan aspirasi negara.

1.1.12 Objektif Pendidikan Muzik

Menurut Ikhsan Othman dan Norila Md Salleh (2005), selepas mengikuti kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah murid-murid boleh:

- a) Menikmati pelbagai pengalaman muzik;
- b) Memperkembangkan nilai estetika, kreativiti, dan ekspresi diri;
- c) Merasai dan mengenal konsep muzik;
- d) Meningkatkan kemahiran mendengar muzik secara aktif;
- e) Mengenal dan memahami sistem notasi muzik yang asas;
- f) Memperkembangkan kemahiran asas dalam kegiatan nyanyian, muzik dengan gerakan, dan permainan alat;
- g) Memupuk semangat berusaha, disiplin diri, dan yakin diri;
- h) Mengamalkan semangat toleransi dan kerjasama;
- i) Mengenal dan menghargai pelbagai jenis muzik tanah air, tradisional, dan semasa yang sesuai;
- j) Mengenal muzik yang sesuai dari beberapa negara lain;
- k) Menjadi pengguna muzik yang berpengetahuan dan berdiskriminasi.

Kurikulum Pendidikan Muzik bercorak umum dan asas yang merangkumi pengalaman muzik yang sesuai dengan perkembangan murid-murid pada peringkat sekolah rendah. Tumpuan pembelajaran adalah kepada kegiatan amali yang aktif dan menyeronokkan bagi mengekalkan minat, mengembangkan bakat, dan meningkatkan kemahiran asas muzik. Kandungan kurikulum mengambil kira konsep muzik yang asas seperti irama, melodi, harmoni, bentuk, ekspresi, warna ton, dan jalinan yang disampaikan melalui kegiatan muzik. Secara keseluruhannya, kandungan kurikulum disusun dalam tiga bidang kegiatan seperti bidang nyanyian, bidang muzik dengan gerakan, dan bidang permainan alat muzik.

1.1.14 Pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

KSSR atau lebih dikenali dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah adalah kurikulum piawai yang telah diguna pakai bermula pada tahun 2011. Kurikulum Standard Sekolah Rendah atau dikenali sebagai KSSR diperkenalkan sebagai usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada untuk memastikan setiap murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke-21.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
berkemahiran, kreatif serta inovatif. KSSR digubal dalam pernyataan standard terdiri daripada standard kandungan dan pembelajaran yang perlu dicapai murid dalam satu tahap persekolahan.

Standard kandungan ialah pernyataan spesifik mengenai perkara murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Manakala standard pembelajaran ialah penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah didapati melalui pelbagai peringkat perkembangan dan seterusnya membawa kepada pengiktirafan kepada pendidikan formal di Malaysia. Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diimplementasikan di seluruh negara dan mata pelajaran Pendidikan Muzik telah diwajibkan untuk semua murid sekolah rendah bermula dari tahun satu. Sebagai kesinambungan daripada program KBSR, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pula dilaksanakan di semua sekolah menengah seluruh negara.

Sekolah yang dipilih ialah salah sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS Kuala Krai, Kelantan. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan

UNI sekolah ini mempunyai seorang guru yang mempunyai kemahiran mengajar dalam bidang muzik. Di samping itu, sekolah ini juga mempunyai kemudahan bilik muzik.

Apa yang pasti, lepasan sekolah ini akan menyambung persekolahan pada peringkat menengah rendah mengikut saluran yang telah ditetapkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah. Atas faktor-faktor seperti yang dinyatakan di atas inilah membuatkan pengkaji memilih sekolah tersebut sebagai lokasi kajian.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini perlu dilakukan bagi membolehkan pengkaji meninjau pelaksanaan pengajaran Pendidikan Muzik di sekolah rendah sama ada mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mahupun sebaliknya. Daripada tinjauan awal, didapati bahawa pengajaran Pendidikan Muzik tidak berlaku seperti yang diharapkan. Guru-guru tidak dapat melaksanakan pengajaran muzik kerana timbulnya masalah tertentu seperti masalah dari segi alatan yang tidak mencukupi, ketiadaan bilik muzik, mata pelajaran Pendidikan Muzik tidak diajarkan kepada murid-murid tahun enam yang berada dalam kelas peperiksaan, dan beberapa masalah lain lagi.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di sekolah rendah sama ada dilakukan seperti yang disarankan oleh